

**Pegum Negara Amerika Alu-alukan Keputusan Kerajaan Malaysia Mansuh ISA
Bernama
17 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 17 Julai (Bernama) -- Pegum Negara Amerika Eric H Holder Jr hari ini menyambut baik keputusan kerajaan Malaysia memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Beliau berkata antara unsur penting yang terkandung di sebalik keputusan itu ialah kewujudan langkah kritikal ke arah melaksanakan pendekatan keadilan dan semakan semula kehakiman secara bebas bagi individu yang didakwa melakukan kesalahan berkaitan keselamatan.

"Negara saya sendiri bergelut dengan pelbagai isu undang-undang yang berkaitan - yang kadangkala mengambil masa bertahun-tahun untuk diselesaikan - dan oleh itu saya amat memahami betapa sukarnya untuk mencapai keseimbangan yang sewajarnya pada waktu-waktu tertentu," katanya pada majlis jamuan tengah hari anjuran Pejabat Pegum Negara bersempena lawatan tiga hari beliau ke Malaysia, di sini Selasa.

Mengenai pertemuan dengan rakan sejawatan beliau Tan Sri Abdul Gani Patail, Holder berkata mereka berbincang tentang cara jabatan yang mereka terajui boleh bekerjasama dengan lebih rapat untuk memerangi kegiatan jenayah merentas sempadan yang menjejaskan hampir setiap negara di dunia.

Kata Holder beliau dan Gani berbincang bagaimana mereka boleh mengadakan kerjasama di peringkat baru, terutama dalam membawa ke muka pengadilan kes berkaitan keganasan, jenayah terancang merentas sempadan, jenayah siber dan ancaman keselamatan lain terhadap negara.

"Amerika sentiasa bersedia membantu Malaysia dalam menghadapi cabaran bersama ke arah memelihara keselamatan, sambil memperjuangkan keadilan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681365>

